



JABATAN AIR NEGERI SABAH

KENYATAAN SEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa daripada Kontraktor/Syarikat untuk membuat tawaran bagi Perolehan Kerja berikut:-

No. Sebutharga	Tajuk Sebutharga	Kod/Bidang Bekalan/Kerja/ Perkhidmatan	Harga Dokumen & Tempat Bayaran	Taraf Sebutharga	Tarikh Melapor Diri, Masa & Tempat Bagi Taklimat / Lawatan Tapak
JANS/KK/20 25/03/04(S)	PERKHIDMATAN PENGHANTARAN AIR KE KAWASAN GANGGUAN AIR/ TEKANAN RENDAH DI ZON SEPANGGAR, KOTA KINABALU.	i) Berdaftar dengan PUKONSA dalam Bidang PERKHIDMATAN, di bawah Tajuk:- 221104 - PENGANGKUTAN LORI dan 221703 - MEMBEKAL AIR atau ii) Mempunyai Lesen Perkhidmatan Bekalan Air (Pengagihan Air Sahaja) yang masih sah yang dikeluarkan oleh JABATAN AIR NEGERI SABAH	RM30.00 Pembayaran Hendaklah dibuat: Secara tunai Kepada Penerima Pembayaran: Kaunter Pungutan Hasil, JANS, Daerah Kota Kinabalu	Terbuka kepada syarikat yang beralamat di KOTA KINABALU, PENAMPANG, dan PUTATAN sahaja.	Tarikh : 13hb Mac 2025 Masa : 10:00 pagi Tempat : Bilik Mesyuarat Jabatan Air Daerah Kota Kinabalu Nota: 1. Penyebutharga WAJIB hadir pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan seperti di atas. Dokumen Sebutharga tidak akan dikeluarkan kepada penyebutharga yang gagal menghadiri Taklimat Sebutharga / Lawatan Tapak pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan tersebut. 2. Hanya penama yang dinamakan didalam sijil pendaftaran PUKONSA sahaja yang dibenarkan menghadiri Taklimat Sebutharga / Lawatan Tapak bagi projek ini.

Tarikh dan Masa Penjualan Dokumen Sebutharga	:	13.03.2025 – 20.03.2025 (Tempoh = 8 hari) Isnin - Khamis : 8.30 Pagi - 12.00 Tengahari 2.00 Petang - 3.00 petang Jumaat: 8.30 Pagi - 11.00 Pagi 2.00 Petang - 3.00 Petang
Tarikh dan Masa Tutup	:	20.03.2025 (Khamis, Jam 10.00 Pagi)
Tempat memasukkan Dokumen Sebutharga	:	PETI SEBUTHARGA JABATAN AIR DAERAH KOTA KINABALU

- Dokumen Sebutharga hanya akan dikeluarkan kepada **Pemilik ATAU Wakil yang sah sahaja** dengan membawa 'SURAT TAULIAH' yang menunjukkan bahawa mereka diberi kuasa untuk mengambil Dokumen Sebutharga bagi pihak syarikat.
- Dokumen-dokumen berikut, yang masih SAH tempoh pendaftaran pada tarikh tutup sebutharga, adalah WAJIB dikemukakan semasa membeli Dokumen Sebutharga:-
 - Sijil Asal 'PUKONSA'
 - Perakuan Pendaftaran CIDB
 - Borang Lawatan Tapak yang telah dilengkapkan dan ditandatangani oleh Jurutera Daerah atau Wakil yang ditauliahkan.
 - Perakuan Pendaftaran Lesen Pemasang Sesalur Jabatan Air Negeri Sabah (Jika berkaitan)
 - Kad Pengenalan
 - Salinan Sijil seperti tersebut di perenggan 2.1, 2.2, 2.3, 2.4 & 2.5 yang belum disahkan.
- Pemilik sijil PUKONSA yang telah mendapat Surat Kelulusan Pendaftaran Baru / Pembaharuan daripada PUKONSA hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen sokongan seperti berikut:-
 - Nama Pemilik Syarikat yang telah **DISAHKAN** oleh pihak PUKONSA dan
 - Resit **ASAL** Penjelasan Pembayaran Kelulusan.
- Borang Lawatan Tapak boleh diperolehi di pejabat:

**Pejabat Jabatan Air
Jabatan Air Daerah Kota Kinabalu**


- Dokumen Meja Sebutharga boleh disemak dan Dokumen Sebutharga boleh diperolehi semasa waktu Pejabat pada **13hb Mac 2025** di:-

**Pejabat Jabatan Air
Jabatan Air Daerah Kota Kinabalu**

- Semua Dokumen Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan serta bertanda nombor rujukan sebutharga dan dialamatkan kepada:

**Setiausaha
Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
Pejabat Jabatan Air
Jabatan Air Daerah Kota Kinabalu**

Sila ambil perhatian bahawa Dokumen Sebutharga hanya akan dikeluarkan kepada penyebutharga-penyebutharga yang mematuhi Syarat-Syarat berkaitan. Sebarang maklumat lanjut boleh diperolehi melalui laman web Jabatan Air Negeri Sabah sabah.gov.my/air



JURUTERA AIR DAERAH KOTA KINABALU

ABD HALIM BIN AG MARALI
Jurutera Air Daerah
Jabatan Air Kota Kinabalu